



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KOMITMEN DAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH . SATU TINJUAN KES DI
KALANGAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT DI DAERAH PERAK
TENGAH DAN MANJUNG, PERAK.

AHMAD TERMIZI BIN ABDUL AZIZ



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN

FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2004



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN

ii

PENGHARGAAN

iii

ABSTRAK

iv

ABSTRACT

v



BAB I

PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Pernyataan Masalah	8
1.3	Objektif Kajian	11
1.4	Hipotesis Kajian	12
1.5	Kepentingan Kajian	13
1.6	Skop dan Batasan Kajian	14
1.7	Definisi Konsep	14





BAB 2

2.1	Pengenalan	17
2.2	Komitmen	17
2.2.1	Komitmen Pelajar dan Latar Belakang Personal	19
2.2.2	Komitmen dan Motivasi Pelajar	22
2.2.3	Komitmen Pelajar dan Persekutaran Sekolah	23
2.2.4	Komitmen dan Pencapaian Akademik	27

BAB 3

3.1	Pengenalan	28
3.2	Kerangka Kajian	29
3.3	Reka Bentuk Kajian	29
3.4	Populasi dan Persampelan	30
3.5	Instrumen Kajian	31
3.6	Kajian Rintis	34
3.7	Pengedaran Soal Selidik	35
3.8	Analisis Data	35

BAB 4

4.1	Pengenalan	37
4.2	Latar Belakang Responden	37
4.2.1	Ciri-ciri Latar Belakang Personal	38





4.2.2	Status Sosio-Ekonomi	40
4.3	Skor Pembolehubah Kajian	40
4.3.1	Pencapaian Akademik	41
4.4	Skor Pembolehubah Bebas	42
4.5	Hubungan Antara Pencapaian Akademik dengan Komitmen pelajar terhadap sekolah	46
4.6	Hubungan Antara Komitmen Pelajar dengan Persekutaran Sekolah	48
4.7	Hubungan Antara Komitmen Pelajar dengan Ciri-ciri Latar Belakang Personal	50
4.8	Hubungan Antara Komitmen Pelajar dengan Motivasi	54
4.9	Hubungan Pencapaian Akademik dengan Ciri-ciri Latar Belakang Personal	54
4.10	Hubungan Pencapaian Akademik dengan Matlamat Motivasi	56

BAB 5

5.1	Pengenalan	58
5.2	Latar Belakang Pelajar dan Pencapaian Akademik	58
5.3	Komitmen Pelajar	59
5.4	Motivasi	63
5.5	Persekutaran Sekolah	63
5.6	Peningkatan Komitmen Pelajar	65





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

5.7	Peningkatan Pencapaian Akademik	66
5.8	Kesimpulan	66
5.9	Cadangan Kajian Akan Datang	67
 RUJUKAN		 69
 LAMPIRAN A		 72



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

Jadual	muka surat
3.1 Taburan Sampel Populasi	31
3.2 Taburan Maklumat Soal Selidik	32
3.3 Keputusan Ujian Cronbach's Alpha Instrumen Kajian	35
3.4 Koefisien Korelasi	36
4.1 Taburan Frekuensi dan Peratus Responden	39
4.2 Skor Pembolehubah Bersandar Pencapaian Akademik	42
4.3 Skor Pembolehubah Bebas	43
4.4 Keputusan Ujian korelasi antara Pembolehubah Pencapaian Akademik dengan Komitmen Pelajar	47
4.5 Keputusan Ujian korelasi antara Pembolehubah Persekutaran Sekolah dengan Komitmen Pelajar	49
4.6 Keputusan Ujian korelasi antara Pembolehubah Komitmen Pelajar dengan Ciri-ciri Latar Belakang Personal	51
4.7 Keputusan Analisis Varians Sehala (ANOVA) Komitmen Berdasarkan Bangsa	52
4.8 Keputusan Analisis Varians Sehala (ANOVA) Komitmen Dengan Pendapatan Ibu Bapa	53
4.9 Keputusan Ujian korelasi antara Pembolehubah Komitmen Pelajar dengan Matlamat Motivasi	54





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

4.10	Keputusan Ujian korelasi antara Pembolehubah Pencapaian akademik dengan Ciri-ciri Latar Belakang Personal	55
4.11	Keputusan Analisis Varians Sehala (ANOVA) Pencapaian Akademik dengan Tahap Pendidikan Ibu Bapa	56
4.12	Keputusan Ujian korelasi antara Pembolehubah Pencapaian akademik dengan Matlamat Motivasi	57



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI RAJAH

Rajah

muka surat

3.1 Kerangka Kajian Menunjukkan Faktor-faktor

Hubungan Komitmen Dengan Akademik Pelajar.

29



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
ii

PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan
yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

29.5.2004

AHMAD TERMIZI BIN ABDUL AZIZ



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun
2002-00585



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Saya bersyukur ke Hadrat Allah S.W.T di atas limpah kurnia, hidayah dan keizinan-Nya sehingga saya dapat menyiapkan kertas projek ini.

Jutaan terima kasih tidak terhingga kepada Pn. Marinah Bt. Awang yang sudi membimbing dan berbincang dari awal sehingga akhir untuk membantu saya dalam menjayakan projek ini.

Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada semua pensyarah Kursus Pengurusan Pendidikan dan rakan-rakan yang membantu dalam apa jua bantuan, hanya Allah sahaja yang dapat membalas segala jasa baik kalian.



Jutaan terima kasih dan bangga khasnya kepada isteri, Pn. Rosnah bt. Yakub dan anak-anak iaitu Nurul Aimi, Ahmad Fahim Akmal, Abdul Azim, Nuru Aqilah, Ahmad Azfar dan Muhamad Azam tersayang yang telah memberikan sumber inspirasi, dorongan, sokongan dan pengorbanan yang tidak terhingga sehingga dapat menamatkan pengajian ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada semua warga UPSI kerana di sini saya bermula di sini juga saya memperolehi segala kejayaan dan pengetahuan.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang berkaitan dengan komitmen dan pencapaian akademik pelajar-pelajar. Ia juga bertujuan untuk mengkaji hubungan komitmen dan pencapaian akademik pelajar-pelajar dengan ciri-ciri latar belakang personal, motivasi dan persekitaran sekolah. Untuk tujuan penyelidikan ini seramai 120 sampel dari 690 pelajar tingkatan 4 telah dipilih secara rawak berstrata daripada 3 buah sekolah menengah di Daerah Perak Tengah dan 3 buah sekolah menengah di Daerah Manjung, Perak. Data dikumpul berdasarkan 57 item soal selidik yang dibina berasaskan 5 Skala Likert. Semua data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan SPSS Version Windows 11.5 dengan kaedah Statistik Deskriptif dan Statistik Inferensi yang melibatkan Ujian Korelasi Pearson dan Analisis Varians Sehala (*ANOVA*) bagi menguji hipotesis kajian. Paras keertian yang digunakan bagi kajian ini ialah 0.05. Hasil dapatan mendapati bahawa majoriti pelajar adalah dari keluarga yang mempunyai taraf sosio-ekonomi yang sederhana. Tahap pencapaian akademik pelajar-pelajar adalah cemerlang, mempunyai komitmen yang tinggi dan bermotivasi untuk mencapai kejayaan yang cemerlang dalam pendidikan. Kajian mendapati komitmen pelajar mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik, persekitaran sekolah, matlamat motivasi dan penglibatan ibu bapa manakala faktor-faktor lain tidak menunjukkan hubungan yang positif dan syor telah diberikan untuk meningkatkan lagi komitmen untuk mencapai kecemerlangan akademik.





ABSTRACT

The aim of this research is to study the factors, which have the link to the commitment and achievement of students. It is also to find the connection of their achievement to their background, personal, motivation and the school surroundings. For this purpose, 120 samples of 690 students form 4 are chosen at random from 3 schools in the Perak Tengah District and 3 school in the Manjung District, Perak. The data is collected based on 57 items that has been formed, based on 5 Likert Scale. The data is then analysed using SPSS Version Windows 11.5 with Descriptive Statistics and Inference Statistic that involves Pearson Correlation Test and One Way Analysis Variance (ANOVA) research hypothesis. The level of significance that is used for this research is 0.05. The result of the research shows that the majority of pupils are from the middle sosio-economic backgraound. Their achievement in academic is excellent, and they have a high commitment, motivated towards achieving excellence in academic. The research also shows that there is a significant relationship linked between the student commitment and their achievement, school surroundings, motivational and parents involvement whereas the other factors do not any positive relationship and some suggestions have been made to upgrade the commitment to achieve the excellence in academic.





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sejarah pendidikan negara sentiasa mengalami beberapa perubahan sejajar dengan perkembangan semasa di era negara menuju ke puncak pembangunan dan kemajuan.

Ini bertujuan untuk memperbaiki dan meningkatkan kemampuan sistem pendidikan bagi memenuhi keperluan semasa dan menghadapi cabaran pada masa depan (Wan Zahid, 1994). Peranan pendidikan yang bersifat dinamik sentiasa berubah mengikut arus pembangunan negara. Bermula dengan penyelesaian masalah ekonomi mulai dalam Rancangan Malaysia Kedua sehingga kini yang memberi penekanan dalam pembangunan sumber tenaga manusia (Shahril, 1995).

Sehubungan dengan perancangan dan pembangunan negara, maka satu Wawasan 2020 telah dicetuskan oleh Y.A.B Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 28 Februari, 1991, dalam Majlis Perdagangan Malaysia telah menetapkan matlamat Malaysia ke arah negara maju dalam bentuk tersendiri ke arah masyarakat Malaysia





yang mempunyai nilai moral dan etika yang kukuh, demokratik, liberal dan bertolak ansur, penyayang dan adil (Dewan Masyarakat, 1991).

Cita-cita ini adalah selaras dengan Dasar Pembangunan Negara yang terdapat dalam Rancangan Jangka Panjang Negara yang menyatakan bahawa ;

" Usaha-usaha dalam pendidikan dan latihan akan diteruskan untuk melahirkan warga negara yang mempunyai imbalan bersesuaian dengan pengetahuan dan kemahiran dengan penumpuan terhadap sains dan teknologi, nilai-nilai rohani dan moral yang tinggi, rasa bertanggungjawab, berdaya cipta, bermudah lentur diri dan berupaya memberi sumbangan berkesan kepada pembangunan negara yang berharmoni, makmur dan bersatu".

(Kerajaan Malaysia, 1991, m.s.162).



Pernyataan yang dibentuk jelas menunjukkan bahawa sektor pendidikan menjadi asas bagi mencapai hasrat Wawasan 2020. Oleh itu, menjadi tanggungjawab Kementerian Pendidikan Malaysia memastikan sistem sekarang dapat membentuk generasi yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berakhlaq mulia, bersifat penyayang, berkemahiran dengan memberikan penekanan terhadap sains dan teknologi untuk membekalkan sumber manusia yang profesional dalam semua bidang bagi memenuhi keperluan negara maju menjelang 2020. Selain daripada itu, pendidikan negara juga mestilah berupaya meningkatkan keupayaan berfikir secara kritis dan kreatif melalui komitmen dan motivasi pelajar yang tinggi terhadap sekolah dan pencapaian akademik yang cemerlang.





Bagi merealisasikan hasrat Wawasan 2020, maka Falsafah Pendidikan Kebangsaan dibentuk pada tahun 1999 dan menggariskan perkara-perkara yang lebih khusus untuk mencapai kecemerlangan pendidikan seperti dirumuskan berikut:

"Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepudu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berkemahiran, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara"

(Rujukan Peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan : Kompetensi Umum Teras & Profesional, 2003, m.s 301)



Pembangunan Pendidikan 2001-2010 telah mengambil kira Dasar Wawasan Negara yang bertujuan membina bangsa yang berdaya tahan, menggalakkan pembentukan masyarakat yang saksama, mengekalkan pertumbuhan ekonomi, membangunkan daya saing antarabangsa, membangunkan ekonomi berdasarkan pengetahuan, memperkuatkkan pembangunan sumber manusia dan meneruskan pembangunan alam sekitar yang mapan. Rancangan Jangka Panjang Ketiga (2001-2010) dan Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005) telah menggariskan strategi, program dan projek untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi bagi membina masyarakat yang bersatu padu, adil dan saksama serta menangani cabaran globalisasi dan K-ekonomi ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju mengikut acuan sendiri. Semua pelan ini mempunyai implikasi yang besar terhadap sistem pendidikan negara. (Rujukan Peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan :Kompetensi Umum -Teras & Profesional, 2003, m.s 284).





Dalam menghadapi era negara maju terdapat empat jenis persiapan yang perlu dilakukan oleh pelajar bagi menjamin kejayaan sebenar, iaitu persiapan ilmu yang menjadi alat pembentukan sahsiah, persiapan kemahiran bagi kehidupan seharian, sikap yang positif yang dapat menjana diri pelajar mencapai kecemerlangan akademik dan persiapan ahklak mulia yang menjadi perhiasan hidup berteraskan agama yang dapat menjadi kehidupan yang terarah, terpimpin dan terbimbing.

Keluarga dan sekolah memainkan peranan penting melahirkan budaya cemerlang di kalangan pelajar. Sistem keluarga menjadi asas membina masyarakat berahklak dan beretika. Sekolah pula adalah tempat di mana guru menimbulkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan supaya dapat menarik minat serta meningkatkan komitmen pelajar untuk mencapai kejayaan (Sulaiman, 1996).

Perubahan drastik pendidikan negara bukan sahaja tertumpu kepada warga pendidik sahaja malahan kesedaran pentingnya pendidikan di kalangan ibu bapa masa kini telah memberikan satu paradigma baru dalam kehidupan yang penuh dengan persaingan. Oleh itu setiap ibu bapa sentiasa mengharapkan anak-anak mereka mencapai kejayaan terutamanya dalam pelajaran di semua peringkat pendidikan. Begitu juga di sekolah para guru sentiasa memberikan tumpuan kepada pencapaian para pelajarnya di dalam semua peringkat peperiksaan. Pihak sekolah telah mengatur berbagai perubahan untuk menjamin agar semua pelajar mendapat kemudahan pendidikan yang maksimum selaras dengan hasrat kementerian yang telah menetapkan



bahawa matlamat pembangunan sistem pendidikan negara bagi menghadapi alaf ke-21 adalah untuk menzahirkan sistem pendidikan yang berkualiti dunia dan menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan (Rujukan Peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan: Kompetensi Umum- Teras dan Profesional, 2003, m.s. 284)

Perubahan terbaru yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia ialah penggunaan Bahasa Inggeris bagi mata pelajaran sains dan matematik di kalangan murid-murid tahun dua sekolah rendah dan pelajar-pelajar Tingkatan satu dan Tingkatan enam rendah serta pelajar program Matrikulasi mulai tahun 2003 (Marzita, Portal Pendidikan Utusan, 2003). Dengan perubahan tersebut secara tidak langsung semua sistem organisasi sekolah turut mengalami perubahan bukan sahaja kurikulum pengajaran malahan seluruh tenaga pengajar yang terlibat telah diberikan kursus intensif untuk melaksanakan perubahan tersebut. Untuk itu seramai 30 000 orang guru di tahun dua, tingkatan dua dan enam atas dan pensyarah di Kolej Matrikulasi terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran mulai tahun 2003. (Marzita, Portal Pendidikan Utusan, 2003). Melalui langkah itu, proses pengajaran dan pembelajaran yang diberikan akan lebih bermakna dan bermutu tinggi. Sebagaimana yang tersurat bahawa cabaran utama pendidikan negara ialah untuk meningkatkan keupayaan berfikir secara kritis dan kreatif para pelajar melalui komitmen yang tinggi terhadap sekolah dan pencapaian akademik yang cemerlang. Justeru itu, semua institusi pendidikan hendaklah merancang dengan teliti untuk melengkapkan para pelajar dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang berkualiti sesuai dengan keperluan semasa dalam menghadapi dunia global ini.



Pelajar-pelajar adalah aset utama negara pada masa hadapan. Oleh itu sebagai bakal pemimpin pada masa depan, maka wajarlah mereka memperlengkапkan diri dengan pelbagai pengetahuan, kemahiran dan hendaklah mempunyai komitmen yang tinggi dan berterusan dalam mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik dan kurikulum di sekolah. Sekolah sebagai institusi penting dalam menyampaikan pendidikan yang berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan seharusnya memainkan peranan utama bagi menyediakan suasana pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan agar ianya dapat menarik minat serta meningkatkan komitmen para pelajar untuk mencapai kecemerlangan. Komitmen pelajar adalah merujuk kepada satu set nilai, sikap dan perlakuan pelajar serta kesediaan mereka menyesuaikan diri dengan peraturan asas dan persekitaran pembelajaran di sesebuah sekolah.



Pada tahun 2003, dunia pendidikan panas dengan isu pelajar samseng yang membabitkan pelajar sekolah berasrama penuh membelasah pelajar lain sehingga mendatangkan kecederaan yang teruk. Walaupun isu pelajar samseng bukanlah suatu isu baru namun kejadian tersebut yang membabitkan sekolah terkenal dengan kecemerlangan akademik lantas menimbulkan kebimbangan yang serius di kalangan masyarakat. Apatah lagi antara sekolah yang terlibat ialah Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCCK) dan Sekolah Tuanku Abdul Rahman (STAR) seterusnya dikuti dengan beberapa lagi kejadian pelajar dibelasah di sekolah harian biasa di seluruh negara. Ekoran daripada itu, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia Datuk Abdul Rafie Mahat mengarahkan, semua guru sekolah menyediakan Laporan Adap Pelajar bermula 2004 yang bertujuan untuk mengatasi gejala gangsterisme dan pergaduhan di samping





itu juga akan memberi ruang kepada semua pelajar agar dapat memberikan komitmen yang tinggi terhadap pembelajaran dan persekitaran sekolah. (Marzita, Portal Pendidikan Utusan, 2003).

Walaupun terdapat kes perlanggaran peraturan sekolah, pencapaian akademik pelajar-pelajar di sekolah berkenaan masih cemerlang dan kesemua keputusan peperiksaan awam menunjukkan pencapaian seratus peratus. Ini menunjukkan bahawa komitmen pelajar terhadap sekolah dan pembelajaran masih pada tahap yang memuaskan.

Dalam konteks kecemerlangan sekolah melalui forum bertajuk "Sekolah aliran kebangsaan juga mampu lahirkan pelajar cemerlang" berkisar kepada minat ibu bapa melayu menghantar anak ke sekolah kebangsaan Cina kerana persepsi sekolah beraliran Cina tiada tandingannya berbanding sekolah aliran kebangsaan. Dari segi pembelajaran telah diutarakan empat faktor penting kejayaan akademik pelajar di sekolah. Pertama, corak pentadbiran dan pengurusan sekolah. Kedua, Komitmen dan kemahiran guru dan pelajar, Ketiga, keperihatinan ibu bapa. Keempat, sikap dan disiplin pelajar itu sendiri. Apa sekalipun aliran sekolah tersebut asalkan pelajar-pelajar tersebut berdisiplin dan mempunyai komitmen yang tinggi pasti akan mencapai kecemerlangan akademik. Selain daripada itu faktor sikap ambil tahu ibu bapa dan sikap serta disiplin adalah penentu sebenar kejayaan para pelajar (Utusan Online, 17 Januari, 2004).





Untuk mencapai sesuatu kejayaan dalam apa juga bidang, usaha yang kuat dan tekun adalah sangat diharapkan oleh setiap individu. Dalam melaksanakan usaha ini, iaanya memerlukan komitmen yang tinggi untuk berjaya. Komitmen merupakan sifat terpuji dan baik serta sangat digalakkan dalam Islam. Oleh yang demikian jelas menunjukkan bahawa matlamat yang jelas dan tepat adalah penting bagi mencapai sesuatu kejayaan. Komitmen pelajar memainkan peranan penting bagi mendapatkan pencapaian akademik yang cemerlang. Pencapaian akademik dan komitmen mempunyai hubungan yang tinggi dengan disiplin di dalam kelas terutamanya pelajar yang mendapat pencapaian yang tinggi dan komitmen yang kuat adalah diharapkan bagi mendapatkan prestasi yang baik. Komitmen adalah ialah satu kombinasi antara keyakinan, iaitu perasaan boleh menjalankan sesuatu tugas tanpa penyeliaan hasil daripada minat dan semangat untuk melakukan tugas (Zaidatul, 1998).



1.2. Pernyataan Masalah.

Berdasarkan kepada matlamat dan hasrat sekolah, fokus utama dalam pembelajaran adalah kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan. Pencapaian yang cemerlang ini adalah sebagai kayu pengukur terhadap keberkesanannya pengajaran dan pembelajaran. Dengan sebab itulah semua program yang bertujuan untuk meningkatkan pencapaian pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan mengikut sebagaimana yang diarahkan. Persoalannya ialah adakah semua pembaharuan yang dirancang itu memberikan keberkesanannya kepada pencapaian pelajar tanpa mengira tahap kemampuan dan komitmen yang pelajar dapat lakukan demi mencapai hasrat yang diinginkan. Justeru itu, untuk mencapai kejayaan yang cemerlang dalam akademik dan menjadikan





sekolah sebagai pusat memperolehi ilmu pengetahuan, sudah pasti tahap komitmen para pelajar perlu dilihat dan diberikan perhatian kerana iaanya akan mempengaruhi pencapaian akademik pelajar-pelajar. Kajian ini bertujuan mencari jawapan kepada persoalan-persoalan adakah komitmen pelajar terhadap sekolah mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik pelajar dan pencapaian akademik yang cemerlang para pelajar juga mempunyai hubungan dengan ciri-ciri latar belakang, motivasi dan persekitaran sekolah.

Fungsi utama sekolah ialah memberi pendidikan dan latihan. Pendidikan yang dianggap sebagai satu proses yang membolehkan seseorang itu berfikir secara kritis dan mempunyai daya kreativiti yang baik. Latihan pula bertujuan memberi kemahiran-kemahiran teknikal dan kegiatan psikomotor. Oleh itu peranan sekolah ialah untuk memberi peluang kepada generasi muda untuk menimba pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran yang difikirkan sesuai untuk menyesuaikan diri dalam perkembangan masyarakat dan kehidupan seharian. Sekolah merupakan sebuah institusi formal masyarakat yang penting dalam proses perhubungan dan perubahan tingkah laku pelajar mengikut arah dan kehendak masyarakat.

Persiapan yang perlu dilakukan oleh pelajar bagi mencapai kejayaan sebenar adalah terbahagi kepada empat komponen utama iaitu persiapan ilmu yang menjadi alat bagi pembentukan sahsiah, persiapan kemahiran bagi menghadapi kehidupan seharian, persiapan sikap yang positif yang dapat menjana diri pelajar bagi mencapai kecemerlangan akademik dan persiapan akhlak mulia yang menjadi perhiasan hidup berteraskan agama yang dapat menjadikan kehidupan yang terarah, terpimpin dan





akan menggerakkan seseorang pelajar itu dengan penuh tekun untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang.

Berdasarkan kepada perbincangan persoalan di atas, adalah diharapkan ianya akan memberikan ruang untuk mengkaji masalah pencapaian akademik pelajar dan kaitannya dengan komitmen pelajar terhadap sekolah, motivasi dan persekitarannya. Kajian ini cuba mencari jawapan kepada persoalan-persoalan berikut :

- i. Adakah komitmen pelajar terhadap sekolah mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik mereka ?
- ii. Adakah motivasi pelajar mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik ?
- iii. Adakah pencapaian akademik mempunyai hubungan dengan persekitaran sekolah?



1.3. Objektif Kajian.

Objektif umum kajian ini untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi komitmen pelajar terhadap sekolah dan pencapaian akademik. Ianya cuba mengukur tahap komitmen pelajar terhadap sekolah dengan pencapaian akademik pelajar-pelajar.



terbimbing. Keluarga dan sekolah memainkan peranan penting melahirkan budaya cemerlang di kalangan pelajar. Sistem keluarga merupakan asas bagi membina masyarakat yang berakhlik dan beretika. Sekolah adalah institusi formal di mana guru dapat menimbulkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan akan dapat menarik minat serta meningkatkan komitmen pelajar untuk mencapai kejayaan. Komitmen pula adalah dikaitkan dengan pelajar-pelajar yang mempunyai keiltizaman yang tinggi seperti rajin, bersungguh-sungguh dan tekun dalam menghadapi proses pengajaran dan pembelajaran. (Sulaiman, 1996). Komitmen menjadi motivasi kepada seseorang pelajar menuju ke arah produktiviti yang menghasilkan suatu pencapaian atau prestasi akademik yang cemerlang dan berkualiti.

Secara umumnya manusia adalah berbeza antara satu sama lain dari segi keupayaan intelek, kesabaran, kemahiran, minat, sikap, aspirasi, daya dan usaha yang dimiliki, pendidikan, latihan dan pengalaman. Sungguhpun kelainan individu telah membentuk beberapa batasan terhadap prestasi, tetapi motivasi adalah satu faktor yang sangat kuat untuk menentukan tingkahlaku manusia. Motivasi juga dapat mengarah tingkahlaku supaya menjadi bertenaga untuk mencapai sesuatu tujuan (Zaidatol, 1998).

Motivasi ialah rangsangan dalaman sebagai pencetus semangat, iaitu penggerak kepada kelakuan untuk membangkitkan tindakan yang berpunca daripada satu motif atau beberapa motif. Motivasi dalam pengertian umum mencakupi keseluruhan rangsangan, keinginan dan kehendak seseorang. Keinginan yang tinggi



akan menggerakkan seseorang pelajar itu dengan penuh tekun untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang.

Berdasarkan kepada perbincangan persoalan di atas, adalah diharapkan ianya akan memberikan ruang untuk mengkaji masalah pencapaian akademik pelajar dan kaitannya dengan komitmen pelajar terhadap sekolah, motivasi dan persekitarannya. Kajian ini cuba mencari jawapan kepada persoalan-persoalan berikut :

- i. Adakah komitmen pelajar terhadap sekolah mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik mereka ?
- ii. Adakah motivasi pelajar mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik ?
- iii. Adakah pencapaian akademik mempunyai hubungan dengan persekitaran sekolah?



1.3. Objektif Kajian.

Objektif umum kajian ini untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi komitmen pelajar terhadap sekolah dan pencapaian akademik. Ianya cuba mengukur tahap komitmen pelajar terhadap sekolah dengan pencapaian akademik pelajar-pelajar.





1.3.1 Objektif khusus kajian ialah untuk :

1. Mengenalpasti faktor-faktor yang dijangka berkait dengan komitmen terhadap sekolah dan pencapaian akademik pelajar-pelajar.
2. Mengenalpasti faktor-faktor persekitaran sekolah mempunyai hubungan dengan komitmen pelajar terhadap sekolah dan pencapaian akademik.
3. Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi komitmen dan pencapaian akademik pelajar mempunyai hubungan dengan ciri-ciri latar belakang personal dan motivasi pelajar.

1.4. Hipotesis

Untuk menguji hipotesis dalam kajian ini, hipotesis nol digunakan. Berikut adalah hipotesis nol :

Ho 1 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan secara statistik antara komitmen dengan pencapaian akademik pelajar.

Ho 2 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan secara statistik antara komitmen pelajar dengan persekitaran sekolah.

Ho 3 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan secara statistik antara komitmen terhadap sekolah dengan ciri-ciri latar belakang personal.

Ho 4 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan secara statistik antara komitmen pelajar dengan matlamat motivasi.

Ho 5 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan secara statistik antara pencapaian akademik pelajar dengan ciri-ciri latar belakang personal.





Ho 6 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan secara statistik antara pencapaian akademik pelajar dengan matlamat motivasi

1.5 Kepentingan Kajian.

Kajian tentang komitmen pelajar terhadap sekolah kurang dijalankan di Malaysia. Komitmen adalah antara faktor yang mungkin mempunyai kesan yang positif ke arah meningkatkan pencapaian akademik yang cemerlang di kalangan pelajar-pelajar. Ianya bertujuan untuk menjana satu kerangka kerja yang sistematik untuk mengkaji hubungan komitmen dengan pencapaian akademik para pelajar di semua sekolah. Antara lain kepentingan penyelidikan ini dijalankan adalah bertujuan untuk :

1. Memberikan maklumat yang dijangka dapat memberikan manfaat dan cadangan berguna kepada pentadbir kurikulum dan guru-guru dalam melaksanakan program peningkatan pencapaian akademik dengan komitmen yang harus diberikan oleh para pelajar.
2. Mempertingkatkan kaedah pengajaran dan pembelajaran melalui komitmen yang tinggi di kalangan pelajar ke arah pencapaian akademik yang cemerlang.
3. Mempertingkatkan lagi komitmen pelajar terhadap sekolah dan memperbaiki tahap pencapaian yang tinggi dalam bidang kurikulum dan kokurikulum di sekolah.
4. Kementerian Pendidikan dan pihak yang bertanggungjawab dalam melaksanakan sebarang perubahan pendidikan seharusnya melihat adakah faktor persekitaran perlu diberikan perhatian dalam meningkatkan pencapaian akademik para pelajar.



Sehubungan dengan itu juga dapatan kajian ini nanti akan menjana maklumat baru bagi menghasilkan kerangka kerja dan hipotesis baru untuk kajian lanjut yang berkaitan dengan pencapaian akademik dan komitmen pelajar terhadap sekolah di masa akan datang.

1.6 Skop dan Batasan kajian

Kajian ini cuba memberikan tumpuan mengenai komitmen pelajar dan hubungan dengan pencapaian akademik. Di samping itu ianya akan melihat beberapa faktor yang mempengaruhi komitmen pelajar dari aspek latar belakang, motivasi dan persekitaran.

Kajian ini dijalankan ke atas sampel yang terdiri daripada 180 orang murid Tingkatan

4 yang baharu sahaja lepas menduduki Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah

(PMR), 2003 di tiga buah sekolah di Daerah Perak Tengah dan tiga buah sekolah di Manjung. Implikasi pemilihan sampel stratifikasi secara rawak murid-murid tersebut akan mewakili gambaran komitmen pelajar-pelajar terhadap pencapaian akademik di sekolah.

1.7. Definisi Konsep

1.7.1 Latar belakang personal meliputi maklumat jantina, bangsa, saiz keluarga, struktur keluarga, status sosio-ekonomi dan tahap pendidikan ibu bapa.



1.7.2 Komitmen

- **Identifikasi** iaitu tahap perasaan sayang dan bangga terhadap sekolah
- **Penglibatan** iaitu kesungguhan dan penglibatan pelajar dalam aktiviti sekolah.
- **Kesetiaan** iaitu perasaan sayang dan setia terhadap sekolah
- **Matlamat Pendidikan** iaitu menghargai betapa pentingnya pendidikan dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapainya.

1.7.3 Pencapaian Akademik

- **Keputusan Peperiksaan PMR** yang diperolehi mengikut gred A, B, C, D, E



1.7.4. Motivasi Pelajar

- **Pencapaian** iaitu usaha bersungguh-sungguh untuk membaiki prestasi
- **Keanggotaan** iaitu diterima oleh rakan-rakan dan sekolah

1.7.5 Persekutaran Sekolah

- **Kemudahan fizikal** merupakan kemudahan atau fasarana sekolah
- **Kemudahan Perpustakaan** -perkhidmatan dan bahan rujukan
- **komitmen guru** melihat kepada tugas dan tanggungjawab guru terhadap pengajaran dan pembelajaran pelajar.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



16 ptbupsi

- **Keceriaan** merujuk kepada kebersihan dan kemudahan persekitaran sekolah.
- **Rakan Sebaya** merujuk kepada pengaruh rakan-rakan ke atas sikap pelajar



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi